



قاسم بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 22

RABU 30 MEI, 1984.

رابع 29 شعبان 1404

PERCUMA

KAJIAN SEJARAH BRUNEI: P.S.B. PERLU AMBIL LANGKAH WAJAR

Oleh: Muhaimin Haji Mohammad

BANDAR SERI BEGAWAN.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien menyeru semua ahli Persatuan Sejarah Brunei supaya sentiasa berkerjasama dan mengambil langkah yang wajar bagi mengadakan penyelidikan dan pengkajian Sejarah Brunei serta perkara-perkara yang berhubung dengan negara ini.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa langkah-langkah yang diambil oleh ahli-ahli dan peminat sejarah Brunei yang terdiri dari anak-anak Brunei pada menubuhkan Persatuan Sejarah sudah kena pada masanya.

Bersabda ketika merasmikan Majlis Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Sejarah Brunei yang telah berlangsung di Dewan

Maktab Perguruan Uqama Seri Begawan, Jalan Tutong, pada hari Ahad lepas, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia menyatakan bahawa penyelidikan dan kajian sejarah bertujuan untuk menghidupkan dan meningkatkan nama Negara Brunei Darussalam adalah perkara yang patut diberi galakan dan pertolongan oleh sekalian yang berkenaan.

Kerana ini adalah salah satu cara yang berpatutan dan sempurna untuk melahirkan rasa cinta rakyat kepada negara di samping dapat pula meluaskan pengetahuan yang sebenar tentang sejarah Negara Brunei Darussalam.

"Sayangnya pada masa ini kurangnya kajian dan penyelidikan maka sangat kurang diketahui apa-apa yang sebenarnya mengenai dengan Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya. Sehingga cerita-cerita dan peristiwa yang dahulu kala itu sebahagiannya telah dikutip dan diterima daripada orang-orang yang mendatang yang mana mereka ini mempunyai pendapat-pendapat atau muslihat-muslihat dan pandangan-pandangan yang berlainan, maka oleh sebab itu sedikit sebanyak menimbulkan salah faham yang mengakibatkan tafsiran yang kurang teliti terhadap sesuatu kejadian yang berlaku di negara ini," tegas Kebawah Duli Yang Teramat Mulia.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, mempunyai
Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien ketika melafazkan sabda sejour sebelum merasmikan Mesyuarat Agung pertama Persatuan Sejarah Brunei pada hari Ahad lalu.

Dijel enam bulan kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman enam bulan penjara dan didenda \$600.00 kepada seorang anggota Polis Diraja Brunei, PC Ramlee bin Md Yassin kerana didapati salah menerima rasuah.

PC Ramlee telah diduduh (pengecukan kesalahan) di bawah Bab 6 (a) Perintah Darurat (Pengecukan Rasuah), 1981.

Beliau dituduh menerima rasuah sebanyak \$600.00 dari Lim Gim Toh, seorang wanita China yang menjual loteri 4-digit yang diharamkan di sebuah rumah pangsa di Jalan Gadong pada 13 Mei, 1983.

PC Ramlee telah menghadapkan rayuan dan beliau dibebaskan dengan ikat jamin.



Peraduan Senifoto Slide warna

SERIA. — Peraduan Senifoto Slide berwarna 1984 yang diselenggarakan oleh Syarikat Pemasaran Shell Brunei dengan kerjasama Pertubuhan Fotografi Brunei sedang dijalankan.

Peraduan tersebut adalah terbuka kepada semua penggemar senifoto di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang penyertaan boleh didapati di semua Stesen Minyak Shell Brunei, kedai-kedai gambar dan kelab fotografi di sekolah-sekolah di seluruh negara. Semua borang penyertaan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 15 Ogos, 1984.

Tiga hadiah terbaik dan sembilan hadiah sahuati akan diberikan kepada pemenang-pemenang.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Awang Barrington King menyebarkan Surat Tauliah Perlantikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

DUBES AMERIKA SYARIKAT MENYEMBAHKAN SURAT TAULIAH PERLANTIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada petang hari Isnin yang lalu telah berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Awang Barrington King, di Istana Nurul Iman.

Selepas menyebarkan Surat Tauliah Perlantikan itu, Tuan Yang Terutama kemudiannya mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu, bertempat di pekarangan Istana Nurul Iman, Tuan Yang Terutama menerima tabik hormat dari anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Perbarisan itu juga telah diserikan oleh pasukan pancaragam ABDB.

Tuan Yang Terutama Duta Amerika Syarikat beserta isterinya tiba di sini pada 10 Mei yang lalu untuk memulakan tugasnya.

Pejabat perwakilan Amerika Syarikat di negara ini mula ditubuhkan pada bulan Disember 1983.

Menentukan permulaan puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jabatan Ukur akan pergi ke beberapa tempat di seluruh negara pada petang ini untuk melihat anak bulan Ramadan bagi menentukan permulaan puasa bagi tahun Hijrah 1404.

Hasil penglihatan anak bulan itu akan diumumkan melalui radio dan Televisyen pada

malam ini. Jika anak bulan Ramadan kelihatan pada petang ini, umat Islam di negara ini akan mula berpuasa pada hari Khamis esok, 31 Mei dan jika tidak nampak permulaan puasa akan jatuh pada hari Jumaat 1 Jun.

Di sepanjang bulan puasa ini, waktu bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan ialah dari jam 8.00 pagi hingga jam 2.00 petang.

MANISNYA IMAN

"DAN masing-masing orang darjat menurut amal mereka (apa yang mereka perbuat). Dan Allah tidak sama sekali lazi tentang apa yang mereka lakukan." — Makna ayat 132 Surah Al-An'am.



Pelita Brunei

30 MEI, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PERSATUAN SEJARAH BRUNEI:

TANGGUNGJAWAB DI DALAMNYA DAN SOKONGAN TERHADAPNYA

PERHATIAN berat kepada sejarah negara ini semakin ketara sekarang.

Di pihak Kerajaan penubuhan Pusat Sejarah

sebagai sebuah jabatan yang khusus adalah bukti yang terang tentang dasar negara pada mengakui kepentingan usaha dan perancangan bagi bukan sahaja memelihara persejarah negara dan bangsa kita bahkan juga bagi mengketengahkan sejarah itu sebagai suatu aspek kehidupan bangsa yang dapat dihayati oleh generasi demi generasi.

Dan adalah membanggakan sekali manakala di kalangan cerdek-pandai bangsa kita tumbuh kesedaran akan kepentingan yang sama itu lalu mereka mengambil daya-usaha menubuhkan 'Persatuan Sejarah' yang mana perasmian Mesyuarat Agungnya yang pertama telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien. Persatuan tersebut bertujuan antara lain untuk menimbulkan minat yang lebih luas terhadap sejarah, kebudayaan dan adat resam penduduk Negara Brunei Darussalam dan wilayah-wilayah jiran khususnya, dan lain-lain negeri yang berkaitan dengannya. Selain untuk menggalakkan pemeliharaan bahan-bahan, penempatan-penempatan dan kawasan-kawasan yang mempunyai tarikan sejarah dan kebudayaan, Persatuan tersebut juga mempunyai matlamat untuk membantu penyelidikan dan penyimpanan rekod sejarah, mengusahakan penerbitan dan mengadakan perjumpaan-perjumpaan seperti seminar, per-

sidangan dan lain-lain, baik yang bercorak setempat atau antarabangsa bagi meningkatkan pengajian dan pengkajian sejarah Brunei.

Sesungguhnya Persatuan Sejarah yang baru melangkah untuk menjayakan tujuan-tujuannya itu mempunyai sifatnya yang tersendiri. Ia merupakan badan ilmiah yang anggota-anggotanya terdiri daripada orang-orang dan pihak-pihak dalam bidang keilmuan yang sudah setentunya akan berbeza cara penumpuan kegiatannya dari lain-lain pertubuhan. Dalam pada itu kita percaya kesan kegiatan ilmiah sekalipun dalam bidang sejarah pasti akan dirasakan oleh masyarakat sebagai rangsangan pada menyemarakkan pemikiran-pemikiran yang bernas sebagai suatu sumbangan yang bermakna dalam mengukuh dan mengembangkannya ciri-ciri kehidupan bangsa.

Kesan yang dapat merangsani masyarakat menerusi pemikiran-pemikiran yang bernas sangat penting diberi perhatian. Kerana itu setakat mengenai Persatuan Sejarah itu kita telah melihat akan perhatian tersebut dalam erikata pengiktirafan akan kepentingannya. Kerana itu pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Persatuan Sejarah dalam 'menjawab' pengiktirafan tersebut setentunya akan lebih merasakan dibebani dengan tanggungjawab untuk dipikul dengan penuh teliti. Kita dapat mengagak betapa tanggungjawab itu dengan

sendirinya akan menuntut majo mundurnya Persatuan yang mendapat reputasi baik itu di masa hadapan.

Sekongan pihak-pihak lain selain Kerajaan juga telah didapatkan oleh Persatuan itu. Dari segi kewangan ia telah menerima derma dari Syarikat Minyak Shell Brunei yang mana dipercayai akan diikuti oleh lain-lain penyumbang yang berpatutan. Sesungguhnya Persatuan tersebut akan memerlukan kedudukan kewangan yang kukuh bagi rancangan-rancangannya. Dan semua kegiatannya memakan belanja yang mana sudah barang tentu tidak dapat ditampung dengan semata-mata yuran daripada ahli-ahli. Kerana itu sumbangan pihak-pihak yang berkemampuan terutama sekali dari kalangan syarikat-syarikat besar di negara ini tentulah diharapkan.

Perhatian terhadap kepentingan sejarah sebenarnya dapat ditunjukkan dengan berbagai cara. Dan sungguhpun tidak semua orang dan tidak semua pihak akan menjadi ahli Persatuan tersebut akan tetapi berdasarkan kepentingan usaha-usaha yang akan dibuat oleh Persatuan itu maka munasabahlah ia mendapat sokongan yang berpatutan dari semua kalangan.

Ke arah mengembeling sokongan itu juga sebenarnya menjadi tanggungjawab yang berterusan kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Persatuan Sejarah.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika berangkat untuk majlis taklimat di Dewan Kemasyarakatan Bangar, Temburong pada hari Sabtu lalu.

P.A.P. Masna berangkat ke majlis taklimat

PEKAN BANGAR. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Taklimat Pertubuhan Pandu Puteri yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini petang Sabtu 26 Mei lepas.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dan rombongan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit dan Penolong Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Mohd Salleh bin Pengiran Kamaluddin; dan seterusnya disambut dengan perbarisan yang terdiri daripada Pasukan Pancaragam Sekolah Menengah Sultan Hassan; Pasukan Pengakap; Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei; Pasukan Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan pasukan hadrah yang terdiri dari murid-murid sekolah.

Majlis taklimat dimulakan dengan sembah ucapan alu-aluan oleh Pengerusi

Jawatankuasa Penyelenggara Majlis Taklimat, Cikgu Othman bin Simbran dan diikuti dengan ucapan oleh Wakil Jabatan Pelajaran, Pengiran Hajjah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Kahar, Pesuruhjaya Pengendalian.

Timbalan Pesuruhjaya Negara Persatuan Pandu Puteri, Datin Masni binti Haji Ali menyampaikan taklimat mengenai Pertubuhan Pandu Puteri di negara ini.

Majlis Taklimat yang diadakan itu bertujuan bagi memberi penerangan lanjut mengenai Pertubuhan Pandu Puteri; untuk mendapatkan maklum balas mengenai pergerakan Pandu Puteri; dan bersua muka dengan guru-guru besar dan guru-guru yang setentunya akan terlibat secara langsung dengan pergerakan Pertubuhan Pandu Puteri di Daerah Temburong.

Rombongan Yang Teramat Mulia itu terdiri dari Datin Hajjah Zahrah binti Haji Idris, Pesuruhjaya Negara; Dayang Hajjah Marhani binti Haji Abd Latif, Penolong

Pesuruhjaya; Datin Simone Butterell, Penolong Pesuruhjaya dan Pengiran Hajjah Hairani binti P.M.L. Pengiran Muda Kahar, Pesuruhjaya Pengendalian.

Di antara jemputan yang hadir ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Laila Raja Awang Haji Abu Bakar bin Baha; Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim bin Akim; pegawai-pegawai kanan Kerajaan di daerah Temburong; guru-guru besar dan guru-guru.

Hadiri sidang di Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Pegawai dari Jabatan Pelajaran akan menghadiri satu persidangan yang bertajuk "THIRD SOUTHEAST ASIAN CONFERENCE ON MATHEMATICAL EDUCATION", yang mana akan diadakan di University of Songkla, HAT YAI, THAILAND, pada 22-25 Mei, 1984.

Mereka itu ialah Dayangku

PESURUHJAYA MAHKAMAH BESAR ANGKAT SUMPAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik dua orang hakim dari Hongkong sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar di negara ini bagi tempoh selama tiga tahun.

Istiadat perantikan dan mengangkat sumpah bagi Tuan Hakim Derek Cons dan Tuan Hakim Simon Herbert Mayo telah berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada 22 Mei lepas di Istana Nurul Iman. Surat-surat perantikan mereka telah dibacakan oleh Grand Chamberlain Y.A.M. Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin.

Berangkat ke istiadat itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jeffri Bolikah.

Turut hadir ialah Menteri-Menteri Kabinet, Y.A.M. Pengiran-Pengiran Cheteria dan Presiden Mahkamah Rayuan, Dato Sir Geoffrey Gould Briggs. Para hakim tersebut akan berada di sini buat beberapa hari bagi membicarakan kes-kes awam. — MHM.



TUAN Hakim Derek Cons (kiri) dan Tuan Hakim Simon Herbert Mayo ketika mengangkat sumpah jawatan di hadapan majlis Kebawah D.Y. M. M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Pegawai Penjara terima sijil bomba

JERUDONG. — Satu Majlis Penyampaian Sijil-sijil Skim Mencegah Kebakaran bagi 20 orang pegawai Jabatan Penjara yang menyertai skim itu telah berlangsung di Dewan Rumah Penjara di sini pada pagi hari Isnin lepas.

Penyampaian sijil-sijil itu telah disempurnakan oleh Penguasa Penjara Negara Brunei Darussalam, Awang Abd Wahab bin Haji Md. Said yang terdahulu dari itu

telah juga memberikan ucapan ringkas.

Pegawai Turus Kanan Pasukan Bomba, Awang Zaidi bin Haji Md. Daud telah juga menyampaikan ucapan.

Hadir sama di majlis itu ialah pegawai-pegawai kanan Jabatan Penjara dan pegawai kanan Pasukan Bomba.

Skim Mencegah Kebakaran ini dianjurkan oleh Pasukan Bomba dan dilaksanakan selama tiga hari.



PENGUSA Penjara Negara, Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd Said menyampaikan sijil kepada salah seorang pegawai Penjara yang telah mengikuti Skim Mencegah Kebakaran.

Peraduan Quran jabatan beruniform

BERAKAS. — Inspektor Pasukan Polis Diraja Brunei Pengiran Haji Wahab bin Pengiran Haji Omar dari

Quran Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan Yang Berpakaian Seragam Tahun 1404



GAMBAR atas menunjukkan sebahagian dari Ketua-Ketua Jabatan yang hadir di Majlis Peraduan pada malam itu, sementara gambar bawah pula ialah kumpulan yang terdiri dari anak-anak anggota pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang turut mempersembahkan nasyid.



Hijrah/1984 Masihi yang berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garison pada malam Jumaat 24 Mei lepas.

Beliau yang mendapat markah 85 peratus juga pernah menyandang kejayaan sama di peraduan yang serupa di tahun 1982 dulu.

Naib Johan pula dimenangi oleh wakil Jabatan Bomba Brunei, Awang Hidup bin Haji Abdul Rahman dengan memperolehi markah 79,5 peratus.

Manakala tempat ketiga disandang oleh Awang Abdul Hajis bin Amai dari Jabatan Imigresen dengan markah 75,5 peratus.

Sementara Hadiah Pus-ingan tahun ini pula dimenangi oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis itu dimulakan dengan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran oleh Qari jemputan, Awang Wasli bin Haji Abu Bakar, Johan Qari Bahagian Dewasa Peringkat Negara.

Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kolonel Haji Mohammad bin Haji Daud selaku Pengerusi Jawatan-kuasa Tertinggi Peraduan.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan selaku Tetamu



INSPEKTOR Pengiran Haji Abdul Wahab dari Pasukan Polis Diraja Brunei menerima Oskar Kejohanan yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas.

Kehormat telah melafazkan sabda ucapan dan seterusnya melakukan perasmian.

Seramai lapan orang qari dari lapan buah jabatan kerajaan yang berpakaian seragam menyertai peraduan yang diadakan buat kali ke lapan dan dikendalikan secara bergilir yang mana tahun ini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mendapat giliran menjadi tuan rumah.

Majlis itu juga telah diserikan dengan persembahan nasyid dari Anak-Anak Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Kumpulan Nasyid Isteri-Isteri Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang dipimpin oleh Datin Cikgu Hajjah Maisiah

binti Mokhtar.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Tetamu Kehormat yang juga telah menerima cenderamata kenangan.

Di antara tetamu yang hadir pada malam itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Umma Brunei; dan ketua-ketua jabatan yang lain.

PENDUDUK AMO ADAKAN LAWATAN



SELEPAS mendengar taklimat ringkas mengenai struktur pentadbiran Jabatan Penerangan, rombongan dari Kampong Amo itu dibawa melawat ke Kolam Berenang Anggerik Desa (atas), Muzium Brunei di Kota Batu (bawah) dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah (bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan baru-baru ini telah menerima lawatan kira-kira 30 orang Penduduk Mukim Amo, Temburong.

Di awal lawatan mereka, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Ketua Unit Sivik dan Kemasyarakatan, Awg. Haji Junaidi bin OKSN Awg. Hj. Mohd Safar. Dan kemudiannya disusuli dengan ucapan ringkas dari Yang Berbahagia, Pengarah Penerangan Awg. Haji Badaruddin bin Pengarah Hj Othman, yang antara lain menyatakan akan susunan pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam setelah kemerdekaan.

Lawatan penerangan dari Penduduk Mukim Amo yang dianjurkan sendiri oleh Jabatan Penerangan ini adalah dihasratkan bagi membawa penduduk-penduduk pendalaman mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang sesuai bagi memberikan mereka peluang melihat dan meninjau lebih dekat lagi akan perkembangan dan kemajuan negara dalam hal-ehwal semasa dengan harapan supaya mereka dapat menambah pengalaman dan pengetahuan dari lawatan

tersebut.

Pelawat-pelawat itu juga sempat mendengarkan penerangan ringkas mengenai struktur pentadbiran dan tugas-tugas Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awg. Yusof bin Ladi.

Kemudian para pelawat tersebut dibawa beredat bagi lawatan ke Stadium Negara Hassanal Bolkiah di Berakas. Di sana mereka telah dibawa melihat-lihat ke bilik persidangan, bilik orang-orang kenamaan dan surau, bilik-bilik pasukan, bilik-bilik cemas dan lain-lain lagi. Seterusnya mereka juga telah dibawa ke Kolam Berenang

Anggerik Desa.

Di sebelah petangnya para pelawat itu juga telah dibawa melawat ke Muzium Brunei di Jalan Kota Batu. Di sana mereka menyaksikan bahagian pameran seperti Pameran Perusahaan Minyak dan Gas, Pameran barang-barang lama seperti mangkuk, periuk dan sebagainya, serta ke Pameran kehidupan binatang yang terdapat di negara ini.

Lawatan seperti ini sebagaimana yang difahamkan dijangka akan diteruskan lagi ke semua daerah, khususnya penduduk-penduduk pendalaman. — ZHS.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-228

MENAHAN ATAU MENGGUGURKAN AIR MANI DARI MASUK KE RAHIM

MUQADDIMAH

BIASANYA seseorang yang tidak ingin atau suka kepada sesuatu ia akan mencari jalan untuk mengelak atau menahan supaya perkara yang tidak disukainya atau diinginkannya itu berlaku atau terjadi. Seseorang yang tidak suka kepada sesuatu makanan, sedangkan makan itu perlu baginya tentulah ia akan mencari makanan yang disukainya. Tetapi bagaimanakah halnya seseorang yang tidak sukakan anak (tidak mahu beranak) atau sebab-sebab tertentu atau sengaja berbuat begitu, lalu dalam hubungan kelamin si lelaki

menahan air mani atau menggugurkan air mani tersebut dari masuk ke dalam rahim dan sebahagiannya pula ada yang menggunakan sarung agar si isteri tidak mengandung-mungkin ia 'selamat' dari yang tidak disukainya. Tetapi apakah ia benar-benar selamat. Minggu ini Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja menjelaskan kedudukan tersebut.

MAKRUH MENAHAN AIR MANI

Kata Ulama, makruh

menahan air mani dari masuk ke dalam rahim, seperti suami memakai sarung untuk menahan air maninya masuk ke dalam rahim. Kata orang-orang yang memakai sarung itu bahawa sarung itu ada kalanya tiada menahan air mani dari masuk ke dalam rahim.

Kata Ulama lagi meninggalkan seumpama memakai sarung supaya mani tidak masuk ke dalam rahim itu, adalah lebih utama dan lebih baik, kerana menahan dari masuk ke dalam rahim itu suatu cara bagi mencegah

dari berterusan keturunan. Al-Imam An-Nawawi telah menukilkan dari asal kitab nya Ar-Raudah, menurut itlaq pendapat Al-Imam pengarang kitab At-Tahzib adalah menahan mani atau dalam bahasa Arab "azal" itu makruh dibenci oleh syarak. Hukum makruh itu telah dinukilkan daripada Ulama Syafieyah golongan orang-orang Iraq, dan Al-Imam An-Nawawi telah jazam (putus) pendapatnya di dalam Syarah Muslim bahawa azal itu adalah makruh.

Begitulah tersebut di

dalam Al-Anwar dan lain, ini perkara azal.

HARAM MENGGUGURKAN AIR MANI

Kata ulama, adapun perkara menggugurkan air mani yang telah masuk ke dalam rahim adalah haram, sesudah air mani itu menjadi darah atau jadi daging, sekalipun belum dititupkan nyawa pada kandungan itu.

Menurut pendapat Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah apabila mani itu tetap ada di dalam rahim, maka menggugurkan mani yang telah tetap dalam rahim itu adalah haram, dan perkataan Al-Imam Ghazali yang menunjukkan ketika Al-Imam Ghazali itu membahaskan

perkara azal itu adalah haram dan pendapat Al-Imam Al-Ghazali adalah terang dan lebih kuat dan lebih ajuah kerana mani itu setelah berada di dalam rahim, ia akan menjadi kandungan yang akan dititup roh dan nyawa padanya dan tidaklah hukum azal itu seperti mani yang telah tetap ada di dalam rahim itu.

Dari Bughyatul Mustasyidin dan dari kumpulan Fatwa Al-Imam Muhammad Al-Kurdi dan lain-lain kitab.

WALLAHUAKLAM

DUNIA ISLAM KECAM TINDAKAN MUSUH

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan berlaku taat menjunjung segala apa jua suruhan dan perintah-Nya serta menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di antara suruhan Allah itu adalah memelihara hak dan kedaulatan orang-orang Islam, sama ada ia berupa harta benda, jiwa, tanahair termasuk juga segala yang menjadi Syiar kebesaran seperti tempat-tempat suci orang-orang Islam, tempat beribadat mereka seperti Baitullah Al-Haram di Mekah, masjid-masjid, surau-suru dan yang seumpamanya.

Baharu-baharu ini Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa atau ringkasnya O.I.C., di dalam persidangannya telah mengambil keputusan antara lain menjadikan hari ini, hari Jumaat 17 Syaaban, 1404 bersamaan 18 Mei, 1984 sebagai "Hari Al-Qudus" pada mana Khutbah-Khutbah Jumaat di Negara-Negara Ahli pada hari ini akan menyatakan kecaman mereka terhadap tindakan-tindakan kekerasan dan kekasaran oleh pihak musuh terhadap Baitul Maqdis itu.

SEJARAH BAITUL MAQDIS

Baitul Maqdis terletak di datar tanah 2,440 kaki dari permukaan laut, kira-kira 35

batu dari Laut Mediteranean. Ia adalah sebuah bandar suci yang dari awalnya telah dikuasai oleh orang-orang Islam bermula pada kira-kira tahun 637 Masihi dalam zaman Sayidina Omar Ibn Al-Khattab Radiallahuan. Dalam perang Salib, Baitul Maqdis telah menjadi tumpuan perhatian puak-puak yang bertentangan. Pada tahun 1099 Masihi tentera Kristian berjaya menawan Bandar Suci ini. Tetapi dalam tahun 1187 dapat pula ditawan semula oleh Sultan Salahuddin dari Mesir. Bandar ini kekal di dalam tangan Islam sehingga tahun 1917. Kemudian bertolak dari masa itu, ia menjadi bahan perdebatan terus-menerus antarabangsa, dan pada bul Mei, 1948 dengan sokong kuasa besar, ia diisytiharkan oleh Israel sebagai Republik Yahudi yang bebas, deng Baitul Maqdis sebagai kotanya. Bagaimanapun beberapa kali Badan Pertubuhan Dunia, UNITI NATION telah mencuba menghalang-halangi maks musuh ini dengan beberapa resolusi yang dilulus dalam tahun-tahun 1947 dan 1948. Namun begitu musti tetap enggan dan tidak mal menerimanya.

Demikian serba sedikit gambaran sejarah Baitul Maqdis itu, dan daripada gambaran ini, ternyata ia adalah menjadi kepunyaan

NEGARA Brunei Darussalam turut menyertai negara-negara Islam yang lain dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menyensali sikap musuh-musuh Islam yang telah melakukan kekerasan dan kekasaran terhadap Baitul Maqdis iaitu Bandar Suci yang ketiga bagi umat Islam. Untuk itu kecaman-kecaman telah dibuat dalam sambutan "Hari Al-Qudus" melalui khutbah-khutbah Jumaat di negara-negara ahli pada 18 Mei lepas. Maka berikut ini disiarkan teks penuh Khutbah Jumaat khas mengenai perkara tersebut yang dibacakan di Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

orang-orang Islam pada asalnya. Pernah disebut bahawa penduduk Maqdis itu terdiri dari 78% Arab Muslim, 10% Arab Kristian dan 11% pula Bangsa Yahudi. Tetapi sesudah proses penindasan terhadap orang-orang Islam berjalan terus-menerus dengan

sokongan kuasa-kuasa tertentu, maka bangsa yang berjumlah sedikit 11% ini pun menjadi meningkat kepada 60% disebabkan orang-orang Islam yang tidak tahan menanggung tekanan dan tindasan bertebaran di sana sini menjadi pelarian. Mereka seolah-olah terusir dari

tanahair mereka sendiri.

Selain daripada pengusiran dan penindasan ini, satu kejadian yang sangat pedih yang tidak dapat dilupakan oleh orang-orang Islam, ialah kejadian dalam tahun 1967, di mana bangsa yang bermusuhan dengan Islam dan umat Islam ini telah menduduki Jerusalem, di mana terletak Masjidil Aqsa, iaitu Qiblat Pertama umat Islam. Masjid suci yang ketiga bagi umat Islam sesudah Masjidil Haram di Mekah dan Masjid An Nabawi di Madinah, dan juga tempat Israak Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam. Tidak ada seorang Islam di dunia ini yang tidak turut ter-

Baitul Maqdis itu kepunyaan orang-orang Islam.

Hal inilah yang ditentang dan bahkan diikuti oleh Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa (OIC) yang diputuskan dalam sidangannya di Fez, Morocco pada 20 April 1984. Dan kita sebagai anggota terbaharu OIC turut bersama-sama menyatakan kesal dan dukacita kita atas rancangan dan langkah menjadikan Bandaraya Suci Orang-Orang Islam itu sebagai alat politik untuk menyakiti hati orang-orang Islam di sana, dan bahkan juga menyinggung perasaan umat Islam di seluruh dunia.

Pada hari yang berkat dan



NEGARA Palestin dalam tahun 1922 — 1948.



RANCANGAN pemecahan Bangsa-Bangsa Bersatu 1947.



KEDUDUKAN Yahudi dalam perang Tahun 1948.



YAHUDI terus meluaskan kedudukannya dalam Perang Tahun 1967.

KAWASAN yang bertanda hitam penuh adalah bumi Palestin dan kawasan-kawasan yang diduduki Israel.

singgung dengan pencabulan Masjidil Aqsa itu.

TEMPATKAN KEDUTAAN ASING

Tidak habis setakat itu sahaja, bahkan bermacam-macam lagi tindakan-tindakan yang di luar peri kemanusiaan telah dilakukan oleh musuh ini. Dan akhir sekali baru-baru ini mereka bertindak pula menjadikan Al-Qudus atau Baitul Maqdis itu sebagai Bandaraya bagi menempatkan Kedutaan-Kedutaan Asing menggantikan Bandaranyanya yang ada sekarang. Jika niat ini terlaksana, maka bermakna tidak ada lagi sebutan bahawa

bersukut ini, kita berdoa kepada Allah, mudah-mudahan niat buruk dan tindakan-tindakan agresif oleh musuh atau siapa sahaja terhadap umat Islam akan gagal dan tidak mendatangkan apa-apa hasil, dan kita umat Islam, di mana juga berada, bulatkan kesatuan dan perpaduan, kukuhkan pendirian dan ingati Allah banyak-banyak dan jangan sekali-kali lalai pada memelihara dan mengembangkan Ugama Allah, kerana hanya orang-orang yang bekerja dan berusaha ke arah itu sahaja yang akan ditolong-Nya sebagaimana Firman-Nya: dalam Surah Muhammad ayat 7.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30 Mei, 1984 hingga ke hari Selasa 5 Jun, 1984 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
30-31	12.23	3.41	3.42	6.33	6.34	7.45	7.46	4.50	4.36	4.51	6.05	6.06
1-5	12.25	3.44	3.45	6.34	6.35	7.46	7.47	4.51	4.37	4.52	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

KEUTAMAAN IBADAT PUASA

MARILAH kita sama-sama bertakwa dengan sebenar-benar takwa dengan melakukan segala suruhan dan perintah-Nya serta menjauhi apa-apa jua yang dilarangnya.

Alhamdulillah, dengan izin dan kemurahan Allah jua beberapa hari sahaja lagi masuklah kita ke dalam bulan Ramadan, bulan yang diwajibkan kita berpuasa selama sebulan. Ibadat puasa itu istimewa di sisi Allah sehingga di dalam sebuah hadis qudi Nabi Salallahu Alaihi Wassalam bersabda yang maksudnya:

"Adalah puasa itu untukkan, dan akulah yang membalas dengannya yakni memberi balasan yang banyak yang tiada ditentukan kadarnya." Atau ada juga qual lain menerangkan maksud hadis ini bahawa Allah amat kasih kepada ibadat ini daripada segala ibadat kerana orang-orang yang

berpuasa itu tidak diragukan ikhlasnya kerana tidak siapa yang tahu sama ada ia berpuasa atau tidak melainkan hanya Allah jua.

LANGIT DAN BUMI BERKATA

Kerana itu barangsiapa yang berpuasa dalam keadaan ia benar-benar percaya atau beriman dan percaya bahawa Allah akan memberikan pahala atau ganjaran-Nya maka diampunkan oleh Allah dosanya yang terdahulu dan terkemudian.

Dalam sebuah hadis lain ada disebut bahawa andainya Allah mengizinkan bagi langit dan bumi berkata-kata nescaya akan dikatakan: "Berita gembira bagi orang-orang yang berpuasa itu dengan syurga."

Demikianlah keutamaan ibadat puasa itu sangat jelas di sisi Allah Subhanahu Wataala. Terlalu banyak lagi hadis-

hadis lain yang menerangkan tentang kelebihan-kelebihan ini disebutkan oleh kitab-kitab hadis dan lain-lain yang antaranya elok kita sebut dengan menerangkan makna atau maksudnya untuk renungan dan pengetahuan kita bersama:


KELEBIHAN PUASA

1. Sabda Nabi, maksudnya: Adalah ibadat puasa itu didinding dari api neraka seperti dinding yang mencegah musuh dari membunuh di dalam peperangan.
2. Sabda Nabi, maksudnya: "Orang berpuasa, apabila ia membuka sesudah sampai waktunya, bersalawat ke atasnya para malaikat mendoakannya dengan keberkatan dan keampunan."
3. Sabda Nabi, maksudnya: "...dan zakat badan itu ialah puasa."

Huraian: Sebab puasa itu dinamakan zakat badan kerana sifat dan rahsianya mengurangkan berat badan tetapi bertambah berkatnya, sama halnya dengan zakat harta mengurangkan bilangan harta itu pada akhirnya tetapi menambahkan berkat pada harta tersebut.

Demikianlah serba ringkas keterangan berhubung dengan ibadat puasa yang akan kita lalui beberapa hari sahaja lagi. Marilah, jangan kita lepaskan peluang yang tidak ternilai harganya ini iaitu peluang dipinjamkan umur oleh Allah, kita berada di dalam bulan Ramadan ini untuk berbakti kepada-Nya dengan berpuasa, dengan beribadat menghidupkan bulan ini dengan apa-apa yang disuruh oleh Islam kerana ibadat di dalam bulan ini ada kelebihan-kelebihannya yang tersendiri.

KHUTBAH JUMAAT



TIPU DIRI SENDIRI

Janganlah ada hendaknya orang-orang Islam yang tergamak menipu diri sendiri seperti dengan mengada-adakan alasan-alasan yang sengaja dibuat-buat untuk mengelakkan berpuasa. Perbuatan begini kalau ada, terang benar ruginya kepada orang-orang yang demikian itu kerana itu hendaklah dielakkan. Tiap-tiap orang Islam mesti sedar bahawa peluang ini jarang berulang, setahun bukan jarak yang hampir, entah-tahun depan kita

ada atau tidak, entah-tahun depan kita uzur atau sakit tidak boleh berpuasa yang akan memberatkan lagi beban kita pada masa lain untuk membayarnya atau memang tidak akan terbayar dan lain-lain masalah. Jadi, sementara ada kuasa melakukannya mestilah kita rebut peluang ini kerana ini soalnya bukan sahaja setakat mahu merebut kelebihan tetapi kewajipan Fardu Ain yang tidak boleh tidak mestilah ditunaikan oleh orang-orang Islam yang mukallaf.

KEUTAMAAN MEMBACA BISMILLAH

SERING diperkatakan oleh orang tua-tua yang warak dan takwa serta yang berpengalaman dan berkeyakinan bahawa amalan, rezeki walaupun sedikit pada pandangan mata kasar tetapi banyak pada hakikatnya. Untuk merenung dan menganalisa kata-kata itu dengan sedalam-dalamnya ialah amalan-amalan yang ada padanya berkat, rezeki yang ada padanya berkat. Ilmu yang ada padanya berkat. Bagaimanakah kita akan mendapat amalan, rezeki, ilmu dan lain-lain yang ada padanya berkat? Dalam ruangan yang terhad ini marilah kita ikuti sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban ertinya:

"Setiap urusan (pekerjaan) yang penting yang

Menuju keredaan Allah

tidak dimulai dengan menyebut Bismillahir Rahmanir Rahim, maka pekerjaan itu akan pincang (tiada berkat)."

Dengan itu mengertilah kita bagaimana pentingnya menyebut Bismillahir Rahmanir Rahim pada permulaan tiap-tiap pekerjaan yang kita kerjakan. Kerana di dalam Bismillah itu terdapat tiga nama yang terbesar daripada nama-nama Allah yang lain iaitu Allah, Ar-Rahman dan Ar-Rahim, sebab itu juga

kalimah. Bismillah itu dinamakan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sendiri "Al-Isnul 'Azam" iaitu nama teragung dari Allah.

Setiap pekerjaan yang dimulai dengan menyebut nama Allah akan mendapat berkat dari Allah. Adapun erti berkat atau barakah itu ialah "sentiasa dalam keadaan baik dan selamat dan sentiasa pula terhindar dari segala marabahaya."

Sebagai hamba Allah, setiap pekerjaan dan urusan pasti ada rintangannya, tidak ada pekerjaan dan urusan tanpa halangan dan rintangan. Ada halangan dan rintangan itu yang tidak dapat kita ketahui lebih awal.

Walaupun bagaimanapun setiap halangan dan rintangan sama ada yang kita ketahui sebelumnya atau yang tidak dapat diketahui maka Allah tetap lebih mengetahuinya, kerana pada hakikatnya setiap halangan dan rintangan itu adalah takdir dan kehendak dari Allah jua. Sebagaimana kita yakini bahawa Allah lebih mengetahui segala-galanya.

Dengan menyebut Bismillahir Rahmanir Rahim sebelum memulakan pekerjaan yang baik-baik bukan saja bererti Allah akan turut serta dalam melaksanakan pekerjaan itu, tetapi juga bererti kita memohon dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala dalam

melaksanakan segala urusan pekerjaan kita itu untuk menyapukan halangan-rintangan yang telah diketahui oleh Allah terhadap kelancaran pekerjaan itu.

Bila suatu pekerjaan sudah terhindar dari segala halangan dan rintangan dan orang yang mengerjakannya selalunya dalam sentosa, ketenangan, kegembiraan, kuat dan sihat. Sudah barang tentu hasil dari pekerjaan itu akan baik dan memuaskan.

Ketenangan jiwa dan hati dalam mengendalikan sesuatu urusan adalah amat mustahak sebab ia dapat membereskan segala apa jua pekerjaan sama ada yang senang mahupun yang susah.

Firman Allah dalam

Surah Al-Ra'du ayat 28 yang tafsirnya berbunyi:

"Orang yang beriman dan tenteram (tenang) hati mereka lantaran mengingat akan Allah, ketahuilah! Hanya dengan mengingat Allah sahajalah hati tetap akan merasa tenteram."

Saudara! Ucaplah Bismillahir Rahmanir Rahim dalam memulakan segala urusan duniawi apatah lagi urusan-urusan akhirah (ibadat) agar segala urusan akan lancar di samping mendapat berkat dari Allah iaitu ucapan dengan penuh pengertian, kesedaran dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wataala yang menurunkan-nya iaitu Bismillah itu.



AWANG Yusof bin Abdullah dan Dayang Hajjah Nauyah bte Ali yang menerima sumbangan derma tersebut.

Hamba Allah derma \$5,000

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu penyampaian derma wang tunai sebanyak \$5,000 telah berlangsung di Jabatan Hal Ehwal Ugama di sini pada hari Rabu 15 Mei lepas.

Derma sumbangan dari seorang hamba Allah itu telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji

Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama kepada Awang Yusof bin Abdullah dari Kampung Rataie, Temburong yang menerima sebanyak \$2,000.

Manakala sebanyak \$3,000 lagi disampaikan kepada Dayang Hajjah Nauyah bte Ali dari Kampung Menengah, Temburong. Derma tersebut adalah sebagai bantuan untuk mereka mendirikan rumah.

SERIA. — Bangunan tambahan Masjid Pekan Seria yang bernilai lebih sejuta ringgit telah dirasmikan pada malam Rabu 15 Mei lepas oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Perasmian bangunan yang boleh menampung lebih 2,000 orang jemaah itu dilakukan bersempena dengan nisfu Syaaban.

Sebelum perasmian, para jemputan telah bersama-sama berjemaah menunaikan Sembahyang Maghrib dan seterusnya membaca Surah Yassin beramai-ramai.

Majlis itu telah juga dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin.

TAMBAHAN MASJID SERIA DIRASMI



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Md. Zain semasa merasmikan bangunan tambahan masjid Seria.

PERADUAN MELUKIS POSTER KESELAMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam sekali lagi akan menganjurkan Peraduan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya.

Peraduan pada tahun ini adalah bertepatan 'Bertimbang Rasa dan Berwaspada di Jalan Raya'.

Peraduan ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Bahagian A bagi penuntut-penuntut Sekolah Rendah; Bahagian B bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Bawah; Bahagian C bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Atas; Bahagian D bagi orang ramai berumur 21 tahun ke bawah dan Bahagian E bagi orang ramai berumur 21 tahun ke atas.

Setiap poster hendaklah berukuran 24" x 36" dan di frame atau mounting.

Peserta-peserta boleh menggunakan semua bahan teknik termasuk kolej (college) dan setiap peserta hanya dibenarkan menghantar sebuah lukisan sahaja. Lukisan yang pernah dipamerkan tidak akan diterima.

Pihak penganjur menyediakan hadiah wang tunai bagi pemenang-pemenang tiap-tiap bahagian.

Pemenang pertama Bahagian A dan B ialah sebanyak \$100.00; kedua sebanyak \$75.00 dan pemenang ketiga sebanyak \$50.00.

Bagi Bahagian C, pemenang pertama akan menerima hadiah sebanyak \$150.00; kedua \$100.00 dan ketiga \$75.00.

Hadiah pertama bagi Bahagian D ialah sebanyak \$200.00; kedua - \$150.00 dan ketiga - \$100.00.

Pemenang pertama bagi Bahagian E ialah sebanyak \$250.00; kedua - \$200.00 dan ketiga - \$150.00.

Semua pemenang dalam tiap-tiap bahagian juga akan menerima sebuah perisai sebagai hadiah iringan.

Di samping itu hadiah sagu hati juga akan diberi kepada lima peserta dalam tiap-tiap bahagian.

Semua lukisan hendaklah dihantar bersama-sama dengan borang penyertaan kepada: Bahagian Kesenian dan Muzik, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Lukisan-lukisan hendaklah dihantar kepada pihak penganjur tidak lewat dari 31 Julai, 1984.

Semua lukisan poster yang berjaya akan menjadi hak milik Majlis Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam.



KETUA Pentadbiran Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar sedang memberikan taklimat kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan bertempat di Bilik Persidangan (atas).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan sedang menerima penerangan dari salah seorang pegawai di Bahagian Pentadbiran rumah sakit tersebut (bawah kiri) sementara Ketua Jabatan Bahagian X-Ray, Doktor Frederick Latham sedang menerangkan sesuatu kepada Yang Berhormat semasa membuat kunjungan ke bahagian tersebut.



Penuntut Brunei di S'pura sambut Israk Mikraj


SINGAPURA. — Unit Pelajaran Penuntut-penuntut Dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Singapura telah mengadakan sambutan Israk Mikraj pada 6 Mei yang lepas.

Majlis yang diadakan di perkarangan Rumah Brunei itu telah dimulai dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Jefri bin Hj Salleh, penuntut tahun dua Maktab Rendah Anglo Chinese.

Majlis diteruskan dengan satu syarahan khas yang telah disampaikan oleh Ustaz Haji

Yassin bin Nassim, seorang guru di Madrasah Aljunied Al-Islamiah dan diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Awang Eusope bin Bujal.

Antara yang hadir ke majlis itu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Negara Brunei Darussalam ke Singapura, Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Daud; Setiausaha Pertama, Awang Abd Majid bin PDPD Haji Abd Rahim, pegawai-pegawai yang sedang berkursus dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Singapura. — Berita dan gambar kiriman Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Singapura.



AWG. Jefri bin Haji Salleh membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai memulakan sambutan tersebut (atas) sementara gambar bawah kelihatan T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Singapura bergambar ramai bersama-sama penuntut di majlis tersebut.



Y.B. Menteri tinjau Rumah Sakit RIAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah mengadakan lawatan ke Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha pada petang Hari Isnin 21 Mei lepas.

Sebaik-baik saja tiba di sana, Yang Berhormat yang juga disertai oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Haji Abdullah dan beberapa pegawai kanan Kementerian telah dibawa ke Bilik Persidangan bagi menerima taklimat ringkas mengenai struktur pentadbiran dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di rumah sakit tersebut oleh Ketua Pentadbir Rumah Sakit, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar.

Setelah itu Yang Berhormat diiringi melawat ke Bahagian Pentadbiran; Bahagian Statistik dan Bahagian X-Ray.

Lawatan ini difahamkan bertujuan bagi memerhatikan secara lebih dekat perjalanan pentadbiran di rumah sakit tersebut di samping bagi mendapatkan maklum balas.

4 lagi naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang Leftenan Muda dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dinaikkan pangkat Leftenan.

Mereka ialah Leftenan Ak Zulkifli bin Pg Haji Ismail; Leftenan Ak Sarbini bin Pg. Mahmud, Leftenan Awang Abu Bakar bin Awang Hassan, ketiga-tiganya dari Batalion Pertama dan Leftenan Harith bin Haji Abd Karim dari Batalion Kedua.

Kenaikan pangkat bagi Lt. Ak Zulkifli bermula dari 31 Mei 1983; Lt. Ak Sarbini bermula dari 7 November 1983 manakala kenaikan pangkat bagi Lt. Awang Abu Bakar dan Lt. Harith bermula dari 17 November 1983.

Lt. Ak Zulkifli, 22 tahun dan Lt. Ak Sarbini, 21 tahun mula berkhidmat pada 2

Januari 1979 sementara Lt. Awang Abu Bakar dan Lt. Harith kedua-duanya berumur 23 tahun mula berkhidmat dengan pasukan itu pada 4 Mei 1981.

Mesyuarat PPN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis mesyuarat Persatuan Pendidik Nasional Brunei bagi membincangkan projek projek persatuan tersebut akan diadakan esok, 31 Mei jam 9.00 pagi, bertempat di rumah PPN 146D batu 6½, Kg. Lambak Berakas.

Semua ahli jawatankuasa sementara Projek PPN serta ahli-ahli persatuan tersebut adalah diminta hadir ke mesyuarat itu nanti. — MHM.

Lawatan doktor udara

BERIKUT ialah jadual lawatan rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung di Daerah Tutong, Temburong dan Belait bagi bulan Jun: —

Kampung	Ulu	Tarikh	Hari
Benutan	Tutong	4.6.84	Isnin
Mapol	Tutong	5.6.84	Selasa
Lopat	Temburong	6.6.84	Rabu
Biang Menengah	Temburong	11.6.84	Isnin
Lamaling pada 11.00 pagi			
Ukong	Tutong	12.6.84	Selasa
Sukang	Belait	13.6.84	Rabu
Belabau	Tutong	18.6.84	Isnin
Melilas	Belait	19.6.84	Selasa
Supon Besar	Tutong	20.6.84	Rabu
Long Mayan			
Supon Kecil pada 11.00 pagi			
Bukit	Tutong	25.6.84	Isnin
Teraja	Belait	26.6.84	Selasa
Apak Apak pada 11.00 pagi			
		27.6.84	Rabu

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Belait akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan-punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Kuala Belait atau pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA	LETAK TANAH
4963	4807	Chang Kui Siew @ Monica	Mumong, Kuala Belait.
4977	4816	Aris bin Dollah	Kg. Turunan, Labi.
4981	4835	Rakiah bte Haji Manap @ Rokiah bte Haji Manaf	Mumong, Kuala Belait.
4982	4836	Bakri bin Md. Idris	Mumong, Kuala Belait.
4996	4857	Jijah bte Abdullah	Mumong, Kuala Belait.
5033	4877	Aisha bte Ismail	Mumong, Kuala Belait.
5072	4923	Mrs. Chu Shing Fatt @ Nee Liew Kon Yu	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5073	4841	Sally Kok Siew Chin	Mumong, Kuala Belait.
5075	3439	Haji Momin bin Alias	Kg. Tunggulian, Liang.
5093	4945	Tan Tui Hiah	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5151	4992	Thien Ah Kiew	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5157	5019	Haji Mohammed bin Hussin	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5181	3958	Hajjah Sindun bte Haji Wahid	Kg. Sungai Tali, Seria.
5181	3958	Zaini bin Yusoff	Kg. Sungai Tali, Seria.
5192	5028	Leong Kiang Yin	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5216	3266	Ahmed Juni bin Sipat	Kg. Sg. Bakong, Lumut.
5203	3964	Kamsani bin Ali	Kg. Sungai Tali, Seria.
5219	3966	Ak. Matussin bin Pg. Ibrahim	Kg. Lumut, Seria.
5236	3971	Hani Abd. Latif bin Tarsat	Kg. Sungai Tali, Seria.
5237	5038	Ambi Anak Udon	Kg. Mendaram, Labi.
5241	3973	Ahmad bin Bujang	Kg. Sg. Bakong, Lumut.
5246	5042	Yueng Yu Seng	Kg. China, Kuala Belait.
5258	3974	Jeneb bin Aji	Kg. Sg. Bakong, Lumut.
5276	4016	Ahmad bin Zainal	Kg. Lumut, Seria.
5292	5088	Abdul Latif bin Mohamad Taib	Kg. Mumong, Kuala Belait.
5298	4022	Haji Masuut bin Ibrahim	Kg. Lumut, Seria.
5299	4023	Bolhassan bin Mumin	Kg. Lumut, Seria.
5300	4024	Allias bin Marsit	Kg. Lumut, Seria.
5312	5096	Nurfah bte Sudin	Kg. Gatas, Labi.
5339	5122	Mak Soo Hin	Kg. Mumong, Kuala Belait.
5342	4040	Ali bin Ibrahim	Kg. Gana, Sg. Liang.
5347	5117	Abu Bakar bin Sulaiman	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5351	5123	Chiang Sung Koon	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5352	5124	Teo Sang Liang	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5359	3395	Dy. Halimah bte Hussain	Kg. Tunggulian, Liang.
5360	5110	Batrah bin Lingkong	Kg. Sg. Tarap. Bukit Sawat.
5372	4031	Yee Chan	Kg. Sungai Liang.
5375	5114	Hamdi bin Kilat @ Kunjan	Kg. Pengkalan Siong. Bukit Sawat.
5380	3460	Awg. Amlee bin Muhamad	Kg. Sungai Tali, Seria.
5396	4058	Teo Chee Hean @ Becky Teo	Kg. Tunggulian, Liang.
5401	4063	Radzuan bin Abdullah @ Valentine Low Lim Poh	Kg. Sungai Tali, Seria.
5409	4037	M. Hanafiah bin O.K. Hj Layeh	Kg. Lumut, Seria.
5416	4066	Pg. Said bin Pg. Shahbuddin	Kg. Sungai Tali, Seria.
5417	5169	Leong Kiang Ho @ Henry Leong Kiang Fong	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5422	5143	Abdul Kadir bin Teli	Kg. Gatas, Labi.
5435	5175	Hong Kin Leong	Kg. Mumong, Kuala Belait.
5487	5203	Tengah bte Tahir @ Tengah	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5509	5221	Dayang bte Ahmad	Kg. Mumong, Kuala Belait.
5503	4032	Ali bin Siput @ Sipot	Kg. Lumut, Seria.
5504	4032	Leeia bte Tampil @ Saleha bte Tampil	Kg. Lumut, Seria.
5513	5163	Sibok bin Payong	Kg. Buau, Ulu Belait.
5519	4095	Ambran bin Hj Mohd. Noor	Kg. Lumut, Seria.
5522	5140	Kasi bin Ilap	Kg. Sg. Singap. Bukit Sawat.
5529	4100	Md. Hussin bin Hassan	Kg. Sungai Tali, Seria.
5551	4107	Ramlee bin Hj Abas	Kg. Sungai Tali, Seria.
5558	5164	Linggang Ak Ngadan	Kg. Bukit Tuding, Ulu Belait.
5562	4118	Mustafa bin Hj Metussin	Kg. Lumut, Seria.
5564	4134	Hong Chiew Siang	Kg. Sg. Taring, Seria.
5574	4130	Dy. Siti Hajjah bte Nawi @ Azizah	Kg. Sg. Tali, Seria.
5595	4140	Hong Kin Leong	Kg. Tunggulian, Liang.
5603	4159	Tan Tui Hah	Kg. Lumut, Seria.
5614	4112	Saiyah bte Kundi @ Zainab bte Kundi	Kg. Sungai Tali, Seria.
5618	4120	Aisha bte Ismail	Kg. Lumut, Seria.
5645	5291	Ivan Leong On Khong	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5667	4163	Halimah bte Dahan @ Halimah bte Abdullah	Kg. Lumut, Seria.
5669	5261	Dennis Teo	Kg. Mumong, Kuala Belait.
5679	5281	Liew Hong Tee	Kg. Pandan Kuala Belait.
5681	5303	Idris bin Bandong @ Sulaiman bin Bandong	Kg. Kenapol, Labi.
5682	5304	Margaret Patrica Warrier @ Margaret Patrica Brodie	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5686	5322	Chin Nyuk	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5691	5258	Ali bin Omar	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5693	5311	Nursalam bte Anggas	Kg. Sungai Dua, Kuala
5701	5312	Ong Git Ching	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5702	5313	Ng Teck Kwang	Kg. Pandan, Kuala Belait.
5706	4183	Othman bin Rosian	Kg. Lumut, Seria.
5708	5330	Wong Kam Siew	Kg. Mumong, Seria.
5710	4196	Madani bte Awg. Mohd. Daud	Kg. Lumut, Seria.
5715	4193	Sabli bin Ahmad	Kg. Lumut, Seria.
5719	4173	Abdullah bin Md. Tahir	Kg. Lumut, Seria.
5720	4174	Saliha bte Md. Tahir	Kg. Lumut, Seria.
5722	4176	Tamah bte Ladis	Kg. Lumut, Seria.
5731	4227	Azari bin Zainal	Kg. Lumut, Seria.
